

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (28)
Tarikh : 27 Oktober 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2026

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2025, Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2026 adalah berkaitan.

2. Sukacita menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan mengenai SPANM Bilangan 5 Tahun 2025 adalah bertujuan untuk memaklumkan:

2.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2026; dan

2.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/ Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

3. Pekeliling ini hendaklah dibaca dengan SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa. Sehubungan dengan ini, dilampirkan SPANM tersebut untuk makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Untuk makluman, Jadual Input Gaji Modul Human Capital Management (HCM) Peringkat PTJ bagi Tahun 2026 akan diedarkan secara berasingan.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK